

Calar *imej* pintu masuk negara

Kuala Lumpur: Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) mengambil inisiatif melakukan operasi menyelamatkan golongan gelandangan dalam usaha mengatasi kehadiran komuniti nomad itu di ibu kota.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa (***gambar***) berkata, operasi menyelamatkan itu dilakukan secara bersepadu dengan kerjasama beberapa agensi berkaitan.

“(Jumlah) gelandangan di Kuala Lumpur ada naik dan turun. Berdasarkan data menerusi operasi menyelamatkan yang dijalankan, kami mendapati golongan gelandangan di ibu kota ini terdiri daripada pelbagai latar belakang.

“Ada di antara mereka adalah warga asing, pemegang kad Suruhanjaya Tinggi Persatuan Bang-

sa-Bangsa Bersatu Untuk Pelarian (UNHCR), pesakit mental serta penagih dadah.

“Dalam isu gelandangan, tiada akta khusus yang boleh digunakan. Ketika ini, kami mengguna pakai Akta Orang-Orang Papa 1977 yang berada di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM),” katanya kepada Harian Metro.

Dr Zaliha berkata, Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP) akan menyelaraskan semua agensi berkaitan untuk mengatasi isu gelandangan di ibu kota ini yang disifatkan sebagai pintu masuk negara.

Justeru katanya, satu pelan tindakan akan dilakukan dalam usaha mengatasi isu gelandangan di ibu kota ini bagi menjaga imej Malaysia sempena Kepengurusan Asean 2025 dan Tahun Melawat Malaysia 2026.

“Saya akan minta Ketua Pengarah JWP, Datuk Noridah Abdul Rahim untuk menyelaraskan dengan semua agensi untuk mengatasi isu gelandangan sebaik mungkin.

“Dalam isu ini, ia adalah mustahil untuk memastikannya sebagai ‘zero’ gelandangan di Kuala Lumpur. Namun, kami akan berusaha sebaik mungkin untuk menjaga imej Kuala Lumpur,” katanya. Beliau

berkata, terdapat kira-kira 180 program berkaitan Kepengurusan Asean 2025 adakan diadakan di Kuala Lumpur dan Putrajaya.

“Program berkaitan Sidang Kemuncak Asean adalah di bawah tanggungjawab Kementerian Luar Negeri (KLN) dan kami (JWP) terbabit sebagai jawatan kuasa logistik.

“Terdapat kira-kira 300 program (berkaitan Sidang Kemuncak Asean) disahkan dengan 180 daripadanya berlangsung di Kuala Lumpur dan Putrajaya.

“Sebagai lokasi pintu masuk negara, kami perlu bersedia bukan sahaja dari segi logistik tetapi juga membabitkan isu kebersihan, pengindahan bandar dan infrastruktur terutama di pusat bandar yang menjadi kawasan tumpuan orang ramai termasuk delegasi,” katanya.

